



24 Februari 2021  
24 February 2021  
P.U. (A) 71

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN  
(PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2021

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 25 Februari 2021.

**Pemakaian**

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan oleh MKD Kencana Sdn. Bhd. menurut Program Terbitan Nota Jangka Sederhana Islam yang disebut “Sukuk Murabahah” dalam Perintah ini, dengan nilai nominal sehingga satu bilion ringgit (RM1,000,000,000.00); dan

(b) jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Sukuk Murabahah yang disebut dalam subperenggan (a).

**Peremitan cukai**

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Sukuk Murabahah dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) MKD Kencana Sdn. Bhd. yang baginya Akta terpakai menurut Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (MKD Kencana Sdn. Bhd.) 2017 [*P.U. (A) 264/2017*];
- (b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan oleh MKD Kencana Sdn. Bhd. menurut Sukuk Murabahah; atau
- (c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Sukuk Murabahah atau jaminan yang disebut dalam perenggan 2, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara atau dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

**Peremitan duti setem**

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen yang berhubung dengan Sukuk Murabahah dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 23 Februari 2021

[Ruj. MOF.SID(S)700-14/2/1; PN(PU2)232/XVI]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) Order 2021**.

(2) This Order comes into operation on 25 February 2021.

**Application**

2. This Order shall apply to—

(a) the Islamic Medium Term Notes issued by MKD Kencana Sdn. Bhd. pursuant to the Islamic Medium Term Notes Programme which in this Order is referred to as the “Sukuk Murabahah”, in nominal value of up to one billion ringgit (RM1,000,000,000.00); and

(b) the guarantee given by the Government of Malaysia relating to the Sukuk Murabahah referred to in subparagraph (a).

**Remission of tax**

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the Sukuk Murabahah and the guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full:

(a) MKD Kencana Sdn. Bhd. to which the Act applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (MKD Kencana Sdn. Bhd.) Order 2017 [*P.U. (A) 264/2017*];

- (b) any holder of the Islamic Medium Term Notes issued by MKD Kencana Sdn. Bhd. pursuant to the Sukuk Murabahah; or
- (c) any other party to any agreement, note, instrument and document in relation to the Sukuk Murabahah or the guarantee referred to in paragraph 2, including any party to whom such agreement, note, instrument or document is transferred or assigned.

**Remission of stamp duty**

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of any agreement, note, instrument and document relating to the Sukuk Murabahah and the guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full.

Made 23 February 2021  
[Ruj. MOF.SID(S)700-14/2/1; PN(PU2)232/XVI]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*